



# Lembaga Minyak Sawit Malaysia

## MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref.: ( ) 04/C/656/2 Jil.2 /2011

Bil. Kami / Our Ref.:  
31 Mac 2011

HARI BERTEMU PELANGGAN  
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN  
Tempat: Palmeshoppe, Ibu Pejabat MPOB  
Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgħiġi &  
3.00 ptg. - 4.00 ptg.

Pk (EL) MPOB 01/2011

Semua Syarikat Pengangkutan Minyak Sawit

Tuan

### PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) (PINDAAN) 2011 – PELESENAN AKTIVITI MENGALIH MINYAK SAWIT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 78 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah membuat suatu peraturan bernama Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011 [P.U.(A) 68/2011].

3. Dengan berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011 [P.U.(A) 68/2011] pada 3 Mac 2011, mana-mana orang atau syarikat pengangkutan yang menjalankan aktiviti mengalih minyak sawit hendaklah dilesenkan di bawah peraturan 5 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan tertakluk kepada syarat-syarat lesen yang dikenakan. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2011 [Pk (EL) MPOB 01/2011] yang memperincikan peruntukan Peraturan tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"

Yang benar,

**DATUK DR CHOO YUEN MAY**

Ketua Pengarah


MPOB

- |      |      |                            |
|------|------|----------------------------|
| s.k. | i.   | Setiausaha Eksekutif MPOA  |
|      | ii.  | Setiausaha Eksekutif POMA  |
|      | iii. | Setiausaha Eksekutif MEOMA |
|      | iv.  | Setiausaha Eksekutif PORAM |

Ibu Pejabat

No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Peti Surat 19620, 50720 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Telefon: MA 31609 • Telefon: 603-8769 4400 • Faks: 603-8925 9446 • <http://www.mpob.gov.my>

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI, MALAYSIA



Rujukan Pekeliling :Pk (EL) MPOB 01/2011  
Tarikh Kuatkuasa :3 MAC 2011  
Perkara :PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) (PINDAAN) 2011 – PELESENAN AKTIVITI MENGALIH MINYAK SAWIT

## 1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011 bagi melesenkan aktiviti mengalih minyak sawit.

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [P.U.(A)516/2005] (Peraturan Pelesenan) telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Peraturan Pelesenan ini antara lain menetapkan aktiviti yang hendaklah dilesenkan, cara untuk memohon lesen, fi yang kena dibayar, syarat yang hendaklah dikenakan, cara pelesenan dan lain-lain yang berkaitan pelesenan.
- 2.2 Peraturan 5 Peraturan Pelesenan telah menetapkan aktiviti yang hendaklah dilesenkan dan perenggan 5(1)(b) telah menetapkan bahawa aktiviti mengalihkan minyak sawit adalah salah satu aktiviti yang perlu dilesenkan. Walau bagaimana pun, perenggan 6(b) peraturan yang sama telah mengecualikan seseorang termasuk syarikat pengangkutan minyak sawit daripada dilesenkan bagi aktiviti mengalih minyak sawit jika orang itu mengalih minyak sawit bagi pihak atau untuk seseorang yang dilesenkan untuk mengalih minyak sawit.
- 2.3 Kebelakangan ini terdapat masalah yang serius mengenai keselamatan pengangkutan dan pengalihan minyak sawit. Faktor harga minyak sawit yang tinggi adalah pendorong utama kepada berlakunya aktiviti kecurian komoditi ini. Kegiatan kecurian ini juga menjadi punca utama berlakunya kemerosotan kualiti minyak sawit yang membahayakan kesihatan pengguna. Selain daripada itu, peraturan yang agak longgar dan kaedah pemantauan pergerakan lori dan pemandu lori tangki oleh syarikat pengangkutan yang tidak berkesan telah menjadikan masalah ini menjadi lebih sukar untuk dibendung.

## JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 , <http://www.mpoj.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 2.4 Setelah kajian dibuat dan pandangan industri kelapa sawit diambil kira, suatu pendekatan telah diambil dan Y.B. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah memutuskan bahawa perenggan 6(b) Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Peleesenan) 2005 hendaklah dipinda bagi membolehkan syarikat pengangkutan dilesenkan bagi aktiviti mengalih minyak sawit di bawah Peraturan 5 Peraturan Pelesenan.
- 2.5 Susulan daripada itu, sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 78 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), Y.B. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah membuat suatu peraturan bernama **Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Peleesenan) (Pindaan) 2011 [P.U.(A) 68/2011]**.

### **3.0 PINDAAN PERATURAN PELESENAN**

#### **3.1 Kuat kuasa**

- Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Peleesenan) (Pindaan) 2011 telah diwarta dan mula berkuat kuasa pada 3 Mac 2011. Bersama ini dilampirkan salinan Peraturan tersebut, rujuk **Lampliran 1**.

#### **3.2 Pindaan**


- Perenggan 6(b) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Peleesenan) 2005 **sedia ada**, adalah seperti berikut:

*"Walau apa pun peraturan 5, tiada lesen dikehendaki untuk mengalih bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, isirung sawit, minyak sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit jika orang itu mengalih bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, isirung sawit, minyak sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit bagi pihak atau untuk seseorang yang dilesenkan untuk mengalih bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, isirung sawit, minyak sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit."*

- Perenggan 6(b) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Peleesenan) 2005 sedia ada dipinda dengan memotong perkataan "minyak sawit" di mana-mana juga terdapat dalam perenggan itu.
- Perenggan 6(b) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Peleesenan) 2005 **selepas pindaan** adalah seperti berikut:

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544, Faks: 603-78034014 603-78061485, <http://www.mpoj.gov.my>



"Walau apa pun peraturan 5, tiada lesen dikehendaki untuk mengalih bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit jika orang itu mengalih bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit bagi pihak atau untuk seseorang yang dilesenkan untuk mengalih bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit."

### 3.3 Pihak terlibat

- Dengan pindaan ini, mana-mana orang atau syarikat pengangkutan yang menjalankan aktiviti mengalih minyak sawit hendaklah dilesenkan di bawah peraturan 5 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Peleesenan) 2005 dan tertakluk kepada syarat-syarat lesen yang dikenakan.

### 3.4 Pendaftaran kenderaan

- Mana-mana pemegang lesen bagi aktiviti mengalih minyak sawit hendaklah mendaftar dengan Lembaga tiap-tiap kenderaan yang digunakan untuk mengalih minyak sawit.

## 4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Peleesenan) MPOB 01/2011 [Pk (EL) MPOB 01/2011] adalah terpakai kepada mana-mana orang atau syarikat pengangkutan yang menjalankan aktiviti mengalih minyak sawit.

## 5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 3 Mac 2011.

## 6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

DATUK DR CHOO YUEN MAY  
Ketua Pengarah  
MPOB

Tarikh: 31 Mac 2011

JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 , Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>